

# Tanggapan Usahawan Terhadap Zakat Perniagaan Berbanding Cukai Pendapatan Perniagaan di Terengganu

Zaharah Salwati Baba  
Hashim Jusoh  
Habsah Muda  
Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman

## ABSTRACT

*Zakat is an obligation and must be collected by the state among the Muslim society. It is a dynamic method to solve economic problem of the needy and help to achieve development and harmonization of the economy of a certain country. On the other hand, tax is one of the sources of income to a country where the government charges in the form of income tax, sales tax, corporate tax and others. Entrepreneurs are a group of individuals who are considered as potential zakat payers and tax payers. This study seeks to investigate the perceptions on zakat and tax amongst 214 respondents (entrepreneurs) in Terengganu. The findings of the study discuss on, among others, entrepreneurs' priority whether to pay zakat or tax, comparison between their perceptions on the responsibilities of zakat and tax and compliance as well as their awareness towards zakat payment compared to tax payment.*

*Keywords: Zakat, Tax, Entrepreneur and Perception*

## Pengenalan

Usahawan mempunyai tugas yang istimewa kepada masyarakat dan sebagai hamba Allah, mereka haruslah melaksanakan tugas dengan sebaik-baiknya (Syed Othman, 2009). Islam memandang mulia kepada golongan usahawan malah telah dijanjikan balasan baik di akhirat dengan syarat mereka benar-benar jujur dan ikhlas memahami serta melaksanakan konsep perniagaan yang ditetapkan dalam Islam.

██████████ ██████████ ██████████

Rasulullah s.a.w. bersabda, “Seseorang peniaga yang jujur dan amanah akan bersama nabi-nabi, para siddiqin dan para syuhada” (Hadis Riwayat at-Tirmidzi). Aktiviti keusahawanan yang disertakan dengan akhlak mulia melalui pendekatan dan penerapan Rasulullah s.a.w. akan merapatkan hubungan persaudaraan dan silaturrahim antara penjual dan pembeli.

Menjadi usahawan seharusnya dikaitkan dengan tujuan menjadi seseorang yang berjaya menunaikan tuntutan mengeluarkan zakat. Justeru, berusaha menjadi seseorang yang berharta atau kaya dari sudut hartanya sehingga berupaya melayakkan dirinya mengeluarkan zakat adalah satu usaha ke arah menyempurnakan dirinya sebagai seorang Islam.

Zakat adalah salah satu daripada Rukun Islam yang menjadi kewajipan ke atas setiap muslim. Zakat merupakan teras perbendaharaan negara dan perlu dijana dengan baik serta menepati syariat agar dapat berperanan menstabilkan ekonomi umat Islam. Di dalam al-Quran, kepentingan zakat bersama solat disebut berulang kali dan ini menggambarkan bahawa solat dan zakat adalah seiring dan saling berhubung kait antara kedua-dua kefarduan ini. Fungsi zakat dalam menstabilkan ekonomi perlu dilihat dalam konteks yang luas, tidak hanya terbatas sekadar mengutip dan mengagihkan wang zakat secara konservatif.

Dalam sebuah negara Islam, kerajaan mempunyai hak memungut hasil melalui kaedah zakat (wajib) dan cukai. Zakat adalah rukun dan wajib dipungut oleh kerajaan dalam kalangan masyarakat Islam seperti di Malaysia. Ianya satu kaedah yang dinamik untuk menyelesaikan masalah ekonomi golongan yang tidak berkemampuan dan mampu mencapai pertumbuhan dan keharmonian ekonomi negara.

Hakikatnya zakat dapat digembeleng sebagai satu instrumen untuk memperkasakan ekonomi umat Islam. Sifirnya mudah, seandainya umat Islam dapat mendominasi ekonomi negara, maka kawalan atau keseimbangan terhadap penawaran dan permintaan yang memungkinkan ketidakstabilan harga barangan atau perkhidmatan dapat dikawal (Hamizul Abdul Hamid, 2008). Golongan asnaf yang berhak menerima zakat adalah terdiri daripada mereka yang tidak berupaya mendapat sumber kewangan seperti pendapatan yang mencukupi dan pinjaman bagi menjana ekonomi mereka. Oleh itu, instrumen zakat dapat membantu mengalirkan sumber dana tersebut daripada golongan yang berkemampuan (unit surplus dalam ekonomi) kepada golongan yang tidak mampu ini (unit defisit dalam ekonomi).

Manakala cukai pula adalah merupakan salah satu hasil kepada negara yang dikenakan oleh kerajaan dalam bentuk cukai pendapatan, cukai perniagaan, cukai jualan, cukai korporat dan lain-lain. Kaedah cukai yang dikenakan dalam sistem ekonomi konvensional adalah mencontohi peranan institusi zakat dalam sistem ekonomi Islam, iaitu sumber-sumber lebihan dana yang ada mesti

diagihkan secara produktif kepada pihak yang memerlukan. Cukai dipungut dan diagihkan kembali untuk pembangunan negara dan membiayai keperluan golongan miskin (Lokman, 2008).

### **Konsep Zakat dan Cukai Perniagaan**

Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan sama ada berasaskan pembuatan, perlombongan, perikanan, perkapalan, pembekalan, pertanian, perkhidmatan atau sebagainya dengan tujuan diperniagakan, sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian (sesama Islam atau dengan bukan Islam), perniagaan jenis syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya. Manakala cukai pendapatan perniagaan adalah sejumlah wang yang dibayar oleh usahawan-usahawan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada setiap tahun. Wang yang dibayar adalah semua pendapatan kasar yang diperolehi setelah ditolak dengan perbelanjaan yang dibenarkan.

Menurut LHDN, pendapatan kasar daripada perniagaan termasuk:

1. Penerimaan tunai bagi barang-barang yang dijual atau perkhidmatan yang diberikan;
2. Semua hutang yang terbit daripada barang-barang yang dijual dan perkhidmatan yang diberi;
3. Penerimaan berupa barangan;
4. Hutang lapuk perniagaan yang nuli;
5. Pampasan insurans yang diterima berhubung dengan kerugian perniagaan; dan
6. Pengeluaran atau pengambilan stok dagangan untuk kegunaan sendiri.

### **Perbezaan Zakat dan Cukai**

Zakat adalah rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam yang berkelayakan dan cukup syarat-syaratnya manakala cukai pula adalah bayaran yang dibuat oleh rakyat kepada kerajaan berdasarkan jumlah pendapatan yang diperolehi (Jadual 1). Terdapat beberapa jenis zakat seperti zakat fitrah, zakat pendapatan, zakat harta, zakat perniagaan, zakat pertanian dan zakat ternakan. Cukai pula terbahagi kepada dua iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai langsung terdiri daripada cukai korporat, cukai individu, cukai petroleum, cukai hartanah dan lain-lain cukai langsung. Manakala cukai tidak langsung termasuk duti eksport, duti impot, cukai jualan dan cukai kastam (LHDN, 2009).

Di samping itu, pengiraan zakat dan cukai juga berbeza. Zakat boleh dikira menggunakan dua cara berbeza iaitu kaedah modal kerja dan modal berkembang. Semua pendapatan bersih yang diperolehi akan di darabkan dengan 2.5 peratus

dan itu dikira sebagai zakat yang perlu dibayar. Manakala bagi cukai pula, pendapatan agregat (setelah mengambilkira semua pengecualian dan perlepasan cukai) akan didarabkan dengan 2.5 peratus dan hanya jumlah itu sahaja yang dapat dilepaskan sebagai zakat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Jadual 1: Perbezaan di antara zakat dan cukai

Zakat	Cukai
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep zakat adalah untuk penyucian jiwa dan harta dan merupakan satu tanggungjawab agama.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep cukai adalah tekanan dan dikenakan oleh pemerintah kepada rakyat.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak bayar zakat berdosa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak bayar cukai dikenakan denda oleh pemerintah.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayar zakat tertakluk kepada Muslim yang layak sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua rakyat yang layak kena bayar cukai.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Zakat dikutip oleh kerajaan Islam sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Cukai boleh dikutip oleh sesiapa sahaja yang memerintah negara.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber zakat adalah dari sumber halal sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sumber cukai adalah semua sumber yang diperolehi.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nisab zakat perniagaan adalah tetap iaitu 20 miskal/85 gram. Yang berubah hanyalah nilai wang sahaja.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kadar cukai boleh berubah mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan pada setiap tahun.</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengagihan zakat tertakluk kepada lapan asnaf sahaja. Pentafsiran asnaf sahaja yang berubah mengikut keperluan semasa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengagihan cukai adalah untuk membiayai semua aktiviti pemerintah untuk keperluan rakyat.</li> </ul>

Sumber: Ruziah Ghazali, Laporan Zakat 2007

### **Tanggapan dan Kepatuhan Membayar Zakat dan Cukai**

Faktor utama yang mempengaruhi usahawan membayar zakat secara tidak formal adalah mengenai kepuasan tentang agihan dan kecakapan pengurusan zakat. Hasil kajian lepas membuktikan bahawa perasaan puas hati terhadap pengurusan pusat zakat berkait positif terhadap pembayaran zakat kepada institusi formal. Menurut Nor Azmi (2002), ketidakpercayaan terhadap institusi zakat terutamanya dalam aspek ketelusan agihan serta ketidakcekapan pengurusan

zakat menyebabkan wujudnya ketidakpatuhan. Ini bermakna, perasaan puas hati memainkan peranan dalam menentukan tempat di mana bayaran zakat dibuat. Semakin puas hati individu terhadap pengurusan pusat zakat semakin tinggi darjah kepatuhan untuk membayar zakat kepada pusat zakat (Sanep et al. 2003). Faktor institusi zakat juga signifikan dalam mempengaruhi usahawan membayar zakat perniagaan (Hasan et al. 2005).

Cukai pula merupakan satu bayaran wajib yang dikenakan oleh pihak kerajaan ke atas kekayaan pendapatan yang dimiliki oleh penduduk sesebuah negara dan digunakan untuk merangsang pembangunan ekonomi. Di Malaysia, pentadbiran cukai langsung adalah di bawah tanggungjawab LHDN. Cukai merupakan salah satu penyumbang utama kepada pendapatan negara. Bermula tahun 2001, sistem taksiran formal (STF) telah ditukar menjadi sistem taksiran sendiri (STS) bagi pembayar cukai pendapatan.

STS bergantung sepenuhnya kepada sikap dan kepatuhan pembayar cukai. Pematuhan cukai amat penting dan merupakan satu tugas yang amat sukar dan berat untuk dilaksanakan kerana ianya melibatkan isu tingkah laku yang kompleks (Zaharah Salwati, 2008). Ini kerana semua pembayar cukai perlu melaporkan semua hasil yang diperolehi. Di dalam sistem percukaian Malaysia, pematuhan cukai menyentuh beberapa aspek antaranya penyimpanan rekod-rekod, pemahaman berkenaan perbelanjaan yang dibenarkan serta pendapatan yang dikenakan cukai, mengisi atau memfailkan borang cukai dan membayar cukai (Norsiah, 2002).

Namun, akibat terlalu banyak prosedur yang perlu dipatuhi menyebabkan wujudnya ketidakpatuhan. Penipuan cukai atau pun pelarian cukai adalah sejenis ketidakpatuhan yang dilakukan dengan sengaja dan niat oleh pembayar cukai (Kasipillai & Shanmugam, 1997). Dalam satu kajian, Spicer dan Becker (1980) telah melihat perhubungan antara pelarian cukai dan tanggapan pembayar cukai dalam keadilan sistem percukaian. Manakala Steven (1989) berpendapat, keyakinan pembayar cukai terhadap sistem percukaian yang diamalkan adalah bergantung besar kepada tanggapan pembayar cukai.

## **Profil Responden**

Kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif ini melibatkan 214 orang usahawan sebagai responden yang dipilih secara rawak. Daripada 214 responden tersebut, 117 orang adalah lelaki dan 97 orang adalah perempuan. Sebanyak 20 peratus daripadanya adalah berumur antara 26 hingga 30 tahun. Kebanyakan responden berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (50 peratus) dan mempunyai latarbelakang pendidikan iaitu 67 responden (31 peratus) daripada aliran agama dan 147 responden (69 peratus) daripada aliran sains.

Dari sudut status perkahwinan, seramai 150 responden telah mendirikan rumahtangga dan hanya 64 responden sahaja yang masih bujang. Bidang perniagaan yang paling banyak diceburi adalah berkaitan dengan perkhidmatan iaitu 32 peratus dan diikuti dengan bidang makanan iaitu sebanyak 27 peratus. Bidang perkhidmatan termasuk kontraktor, firma audit, ejen pencukaian serta bidang andaman. Kebanyakan responden memulakan perniagaan dengan modal yang kurang daripada RM10,000 iaitu seramai 85 responden (40 peratus). Sementara itu, seramai 41 responden (19 peratus) memulakan perniagaan dengan modal melebihi RM50,000.

Hasil kajian juga menunjukkan 91 responden (43 peratus) memperolehi pendapatan bersih kurang daripada RM50,000 setahun dan 25 responden (12 peratus) memperolehi pendapatan bersih lebih daripada RM200,000 setahun. Ini menunjukkan bahawa mereka layak membayar zakat perniagaan atau cukai pendapatan perniagaan atau kedua-duanya.

### **Kefahaman Usahawan Terhadap Zakat dan Cukai**

Kesedaran mengenai kewajipan menunaikan zakat semakin meluas dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan 214 responden mempunyai maklumat asas tentang kefarduan rukun Islam ini. Seramai 158 (74 peratus) responden sangat bersetuju bahawa kefarduan membayar zakat perniagaan adalah satu taklif daripada Allah. Begitu juga seramai 146 (68 peratus) responden berpendapat bahawa membayar zakat adalah lebih penting daripada membayar cukai. Berkenaan dengan tanggungjawab mana yang perlu didahulukan antara mengeluarkan zakat dengan bayaran-bayaran lain, seramai 132 (62 peratus) responden mengatakan mereka akan mengutamakan bayaran zakat. Sementara itu, 70 peratus responden bersetuju bahawa membayar cukai pendapatan adalah merupakan tanggungjawab kepada pemerintah.

Jadual 2 menunjukkan taburan purata mengenai tanggapan usahawan terhadap zakat dan cukai. Kajian mendapati 118 (55 peratus) daripada responden tidak bersetuju bahawa zakat perniagaan adalah sama dengan cukai perniagaan. Namun begitu, 29 responden (14 peratus) bersetuju dengan kenyataan bahawa zakat perniagaan dan cukai pendapatan adalah sama. Seramai 67 responden (31 peratus) pula memberikan jawapan tidak pasti. Ini jelas menunjukkan kebanyakan responden faham bahawa zakat perniagaan adalah berbeza dengan cukai pendapatan perniagaan.

Sementara itu, jadual tersebut juga menggambarkan tanggapan usahawan terhadap kenyataan berkenaan dengan zakat adalah sama seperti derma atau sedekah dan ini dapat disimpulkan bahawa 113 (53 peratus) responden beranggapan bahawa zakat adalah sama dengan derma dan sedekah dan 51 (24

peratus) responden tidak pasti berkenaan dengan perkara tersebut. Hanya 50 (23 peratus) responden sahaja berpendapat bahawa zakat adalah tidak sama dengan derma atau sedekah. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden tidak memahami bahawa zakat (wajib) sebenarnya tidak sama dengan derma atau sedekah (sunnat).

Bagi kenyataan, membayar zakat perniagaan bermakna membayar cukai pendapatan, didapati 101 (47 peratus) responden menjawab tidak pasti dan 45 (21 peratus) responden setuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa 68 peratus responden berpendapat membayar cukai pendapatan perniagaan adalah sama seperti membayar zakat perniagaan.

Jadual 2: Kefahaman Responden terhadap Zakat dan Cukai

Tanggapan	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju
Zakat perniagaan adalah sama dengan cukai pendapatan	118 (55%)	67 (31%)	29 (14%)
Zakat adalah sama seperti derma atau sedekah	50 (23%)	51 (24%)	113 (53%)
Membayar Zakat Perniagaan Bermakna Membayar Cukai Pendapatan	68 (32%)	101 (47%)	45 (21%)

### Pematuhan Tanggungjawab Membayar Zakat dan Cukai

Jadual 3 menunjukkan kekerapan pembayar membayar sama ada zakat, cukai, zakat dan cukai atau pun tidak membayar langsung. Didapati seramai 87 (41 peratus) responden membayar zakat dan cukai. Namun begitu hanya 32 responden iaitu 15 peratus membayar zakat berbanding 51 responden (24 peratus) membayar cukai. Ini menunjukkan bahawa masih ramai responden yang merasakan bahawa membayar cukai lebih penting daripada membayar zakat.

Jadual 3: Kekerapan Membayar Zakat atau Cukai

Status Responden	Frekuensi	Peratus
Bayar zakat	32	15
Bayar cukai	51	24
Bayar zakat dan cukai	87	41
Tidak membayar langsung	44	20
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

Kepatuhan melaksanakan tanggungjawab membayar sama ada zakat atau cukai juga berbeza mengikut jantina, tahap pendidikan dan jenis perniagaan. Jadual 4 menunjukkan bahawa kepatuhan membayar cukai adalah lebih tinggi berbanding zakat mengikut jantina. Namun begitu, kekerapan yang paling tinggi adalah membayar kedua-duanya sekali. Bagi kepatuhan membayar mengikut tahap pendidikan, didapati bahawa 40 (38 peratus) responden yang berkelulusan SPM membayar zakat dan cukai, 29 (27 peratus) membayar cukai sahaja dan 25 (24 peratus) tidak membayar langsung. Kepatuhan membayar juga berbeza-beza mengikut jenis perniagaan seperti ditunjukkan dalam jadual yang sama. Didapati bahawa seramai 33 responden (38 peratus) daripada bidang perkhidmatan membayar zakat dan cukai manakala 14 responden (32 peratus) daripada bidang jahitan tidak membayar langsung.

Jadual 4: Kepatuhan Membayar Mengikut Jantina, Tahap Pendidikan dan Jenis Perniagaan

	Zakat	Cukai	Zakat & Cukai	Tidak membayar langsung	Jumlah
<b>Jantina</b>					
Lelaki	17	30	53	17	117
Perempuan	15	21	34	27	97
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>51</b>	<b>87</b>	<b>44</b>	<b>214</b>
<b>Tahap Pendidikan</b>					
PMR	3	2	4	1	10
SPM 12	29	40	25	106	
STPM/Diploma	9	6	15	10	40
Ijazah	5	6	16	2	29
Lain-lain	3	8	12	6	29
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>51</b>	<b>87</b>	<b>44</b>	<b>214</b>
<b>Jenis Perniagaan</b>					
Makanan	12	15	29	2	58
Dobi	-	2	5	-	7
Telekomunikasi	1	10	7	8	26
Jahitan	2	4	3	14	23
Penternakan	4	4	3	6	17
Perabot	1	2	3	-	6
Pertanian	-	3	4	1	8
Perkhidmatan	12	11	33	13	69
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>51</b>	<b>87</b>	<b>44</b>	<b>214</b>

### Pembayaran Zakat dan Cukai Pendapatan Perniagaan

Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001 telah memperuntukkan bahawa seseorang yang memenuhi syarat yang ditetapkan dikehendaki membayar cukai pendapatan dan zakat perniagaan atau kedua-duanya sekali. Kerajaan menggariskan peraturan dan kaedah-kaedah tertentu untuk melicinkan pelaksanaan tanggungjawab tersebut dalam kalangan pembayar cukai.

Dalam konteks kajian yang dijalankan, isu berkenaan pelarasan antara cukai dan zakat perniagaan bagi syarikat dan juga rebet cukai untuk keseluruhan

bayaran zakat kepada pembayar zakat juga dikemukakan kepada responden. Daripada Jadual 5, didapati 147 (68 peratus) responden bersetuju dengan cadangan untuk menyelaraskan cukai pendapatan perniagaan dan zakat perniagaan bagi syarikat.

Sementara itu, berkaitan dengan pemberian rebet untuk keseluruhan bayaran zakat yang dikeluarkan oleh pembayar zakat (Jadual 5), 90 responden tidak pasti tentang perkara tersebut. Seramai 74 (35 peratus) responden bersetuju dengan kemudahan tersebut. Kebanyakan syarikat kini perlu membayar keduanya, zakat dan cukai kerana hanya 2.5 peratus daripada pendapatan agregat sahaja yang dibenarkan sebagai tolakan untuk bayaran zakat.

Jadual 5: Pelarasan dan Rebet Cukai dan Zakat Perniagaan Bagi Syarikat

	Tidak Setuju	Tidak pasti	Setuju
Pelarasan antara cukai dan zakat perniagaan bagi syarikat adalah perlu	8 (4 %)	59 (28 %)	147 (68 %)
Pembayar zakat perlu diberi rebet cukai untuk keseluruhan bayaran	50 (23 %)	90 (42 %)	74 (35 %)

Pengurusan zakat yang diletakkan di bawah kuasa kerajaan negeri menimbulkan kepelbagaian pendekatan dari segi kutipan dan pengagihan zakat. Setiap negeri mempunyai akta atau enakmen sendiri untuk mengawal selia pengurusan zakat. Cadangan untuk menggubal satu akta peringkat nasional telah menimbulkan pro dan kontra. Dalam konteks penyelidikan terhadap usahawan di Terengganu, 119 (56 peratus) menjawab tidak pasti terhadap perlunya diwujudkan undang-undang zakat dalam bentuk Akta Zakat seperti Akta Cukai Pendapatan 1967. Sementara itu, 19 (9 peratus) menjawab tidak setuju dan yang bersetuju dengan cadangan tersebut ialah seramai 76 (35 peratus) responden seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Pendapat Usahawan Terhadap Wujudkan Undang-undang Zakat dalam Bentuk Akta Zakat seperti Akta Cukai Pendapatan 1967

Skala	Frekuensi	Peratus
Tidak Setuju	19	9
Tidak Pasti	119	56
Setuju	76	35
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

### Denda Kepada yang Tidak Membayar Cukai

Kedua-dua Akta Cukai Pendapatan 1967 (Bahagian 7) dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001 (Seksyen 20) memperuntukkan denda-denda tertentu dikenakan kepada mereka yang tidak membayar cukai pendapatan perniagaan dan zakat perniagaan. Hasil dari kajian yang dijalankan sebagaimana dijelaskan dalam Jadual 7, 111 (52 peratus) responden tidak pasti dan tidak setuju dengan kenyataan bahawa mereka yang tidak membayar zakat perniagaan dan cukai pendapatan perniagaan perlu didakwa dan dihukum. Hanya 103 (48 peratus) responden bersetuju bahawa sesiapa yang tidak membayar zakat perlu didakwa dan dihukum.

Jadual 7: Tidak membayar zakat perlu didakwa dan dihukum

Skala	Frekuensi	Peratus
Tidak Setuju	11	5
Tidak Pasti	100	47
Setuju	103	48
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

Hukuman yang lebih berat perlu dikenakan kepada mereka yang tidak membayar zakat perniagaan dibandingkan dengan mereka yang tidak membayar cukai pendapatan perniagaan (Jadual 8). Didapati 95 (44 peratus) responden memilih jawapan tidak pasti. Namun begitu, 96 (41 peratus) responden mengatakan bersetuju berbanding dengan 33 (15 peratus) responden mengatakan tidak bersetuju. Ini menunjukkan bahawa ada perkaitan antara peranan institusi zakat dengan kesedaran berzakat yang boleh dikaitkan dengan mekanisme pembayaran zakat.

Jadual 8 : Hukuman bagi sesiapa yang tidak membayar zakat perlulah lebih berat berbanding cukai

Skala	Frekuensi	Peratus
Tidak Setuju	33	15
Tidak Pasti	95	44
Setuju	96	41
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

### **Peranan Pusat Zakat dan Mekanisme Pembayaran Zakat**

Institusi zakat berperanan untuk memungut dan mengagihkan zakat kepada lapan golongan asnaf dan peranan ini adalah di bawah bidang kuasa setiap kerajaan negeri di Malaysia. Hasil kajian seterusnya melihat kepada peranan pusat zakat dan mekanisma pembayaran zakat oleh responden. Jadual 9 menunjukkan bahawa 45 peratus (97 responden) membayar zakat secara terus kepada asnaf zakat berbanding pembayaran melalui kaunter (26 peratus) dan Amil (28 peratus). Ini menunjukkan majoriti responden kurang yakin dan tidak berpuas hati kepada peranan institusi zakat dalam pengagihan semula zakat kepada golongan asnaf (Hairunnizam et al. 2008).

Jadual 9: Mekanisme pembayaran zakat

Kaedah	Frekuensi	Peratus
Kaunter	56	26
Kad Kredit	1	1
Amil	60	28
Lain-lain (Membayar terus kepada Asnaf Zakat)	97	45
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kuliah agama memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran dan maklumat mengenai kewajipan berzakat. Jadual 10 menunjukkan 82 responden (38 peratus) mendapat maklumat tentang zakat melalui sumber kuliah agama tetapi masih ramai juga (53 responden) yang tiada maklumat atau kesedaran tentang zakat.

Jadual 10: Sumber Maklumat Mengenai Zakat

Sumber	Frekuensi	Peratus
Kuliah agama	82	38
Risalah/pamphlet zakat	28	13
Radio	4	2
Poster/papan tanda	5	2
Televisyen	6	3
Rakan-rakan	22	10
Suratkhabar	14	7
Tiada maklumat	53	25
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

Seterusnya, Jadual 11 menunjukkan 65% (140 responden) tidak membayar zakat melalui kaunter Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) selari dengan respon yang diberikan mengenai mekanisme pembayaran zakat seperti dalam Jadual 9.

Jadual 11: Bayaran Zakat Melalui Kaunter (MAIDAM)

Kaunter	Frekuensi	Peratus
Ya	74	35
Tidak	140	65
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

Alasan yang diberikan oleh responden adalah kerana tidak yakin terhadap peranan institusi zakat (62 peratus), lebih senang mencari sendiri (23 peratus) dan sukar untuk ke kaunter zakat MAIDAM (15 peratus) (Jadual 12).

Jadual 12: Alasan Membayar Zakat Tidak Melalui Kaunter (MAIDAM)

Alasan	Frekuensi	Peratus
Lebih senang cari sendiri	50	23
Rumit untuk ke MAIDAM	32	15
Tidak yakin terhadap institusi zakat	132	62
<b>Jumlah</b>	<b>214</b>	<b>100</b>

Hasil kajian tentang responden tidak yakin terhadap peranan institusi zakat adalah hampir sama dengan kajian-kajian lepas (Nor Azmi, 2002; Sanep et al. 2003; Hasan Baharum et al. 2005) dimana faktor dan peranan institusi zakat adalah signifikan.

## Kesimpulan

Golongan usahawan mempunyai pengetahuan asas tentang kefardhuan mengeluarkan zakat perniagaan dan juga kewajipan membayar cukai apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Namun begitu, tanggapan mereka berkenaan dengan perkara-perkara yang lebih teknikal memerlukan perhatian dari Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan LHDN. Ini dapat dilihat apabila respon tidak pasti menjadi pilihan majoriti responden dalam banyak soalan yang dikemukakan kepada mereka.

Satu usaha yang menyeluruh termasuk memberi pelepasan sepenuhnya jumlah zakat yang dibayar mestilah dilaksanakan sepenuhnya. Disamping

itu, bagi meningkatkan kesedaran mereka tentang kewajipan membayar zakat perniagaan dan cukai pendapatan perniagaan kerjasama yang lebih akrab antara MAIN dan LHDN perlu dipertingkatkan. Ini penting bagi memberi maklumat yang tepat kepada usahawan Islam tentang kewajipan berzakat yang merupakan salah satu Rukun Islam. Pengalaman berharga LHDN mestilah dimanfaatkan oleh MAIN terutamanya dalam usaha membetulkan tanggapan usahawan terhadap kewajipan membayar zakat. Modul latihan pembangunan usahawan mesti diintegrasikan dengan pendedahan tentang kewajipan mengeluarkan zakat dari perspektif agama dan tuntutan undang-undang negara. Pendedahan akan lebih bermakna sekiranya modul tersebut juga dibandingkan dengan kewajipan membayar cukai pendapatan.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai pusat sehenti pendaftaran perniagaan juga mempunyai peranan yang signifikan dalam menyebarkan pengetahuan tentang kewajipan berzakat di kalangan usahawan. Tanggapan yang betul dan tepat di kalangan usahawan akan mampu meningkatkan imej institusi zakat di Malaysia. Perniagaan sebagai 9/10 sumber rezeki ummah sudah tentu mampu menambahkan kutipan zakat yang kesan langsungnya dapat dimanfaatkan oleh asnaf penerima zakat. Zakat sebagai institusi sosial yang mampu mewujudkan takaful ijtimai'e akan terserlah apabila orang yang berhak berjaya memperolehi hak mereka yang Allah amanahkan kepada golongan pengeluar zakat.

## Rujukan

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor, 2005, Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia, *Prosiding Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam (SEKI 05): Pengukuhan dan Transformasi Ekonomi dan Kewangan Islam 2005*, hlm. 265-274.
- Hasan Bahrom & Mohd Sahnaz Saidu, 2005, Kajian terhadap faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat perniagaan di kalangan usahawan: kes kajian Terengganu. *Jurnal Academia UiTM Terengganu*: 291-296.
- Hamizul Abdul Hamid, 2008, Zakat Tangani Kemiskinan. Yayasan Basmi Kemiskinan. <http://www.ybk.org.my/BERITA/2008/20080110-1.html/>
- Kamil Md.Idris, 2001, *Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji*, Sintok: Universiti Utara Malaysia
- Kasipillai, J. & Shanmugam, B., 1997, *Taxation in Malaysia: Assessment Non-compliance and Investigation*, Malaysia: Percetakan UPCAS Sdn. Bhd.
- Lokman Ismail, 2008, Zakat Wujud Kestabilan Sosio Ekonomi Ummah, *Berita Harian*, Mac 2008.

- Nik Mustapha Nik Hassan, 2007, Prinsip, Perakaunan dan Ekonomi Zakat: Kutipan Zakat Asas Keadilan Ekonomi.  
<http://www.bharian.com.my/m/BHarian?Tuesday?Agama/20070320060317/Article/>
- Norsiah Ahmad, 2004, Sikap terhadap Cukai dari Perspektif Gender, *Akademika* 65 (Julai): 125-135.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad, 2006, Penswastaaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia, *International Journal of Management Studies* 13 (2): 175-196
- Spicer, M. W. & Becker, L. A., 1980, Fiscal inequity tax evasion: An experimental approach, *National Tax Journal* 33(3): 171-175.
- Steven, S. 1989, Measuring the effect of disability on labor force participation. *Journal of Human Resources* 24(3), pp 361-395.
- Syed Othman Alhabshi, 2009, Islam Menuntut Kecemerlangan dalam Perniagaan dan Keusahawanan. IKIM.
- Zaharah Salwati Baba, 2008, A Perception on Post Implementation of Self Assessment Tax System on Selected Companies in East Coast Malaysia, Tesis Sarjana, Sekolah Pengajian Siswazah, UPM
- Laporan Zakat 2007, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN). <http://www.hasil.org.my>
- Income Tax Act 1967 (Act 53)
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001  
<http://www.ikim.gov.my/>

---

ZAHARAH SALWATI BABA

Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: zaharahsalwati@udm.edu.my

HASHIM JUSOH

Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA  
Emel: hashim@udm.edu.my.

HABSAH MUDA

Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA  
Emel: habsah\_muda@udm.edu.my.

SYED MOHD AZMI SYED AB RAHMAN

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA  
Emel: smazmi@udm.edu.my.